

## **Konsep Kendiri Guru Yang Berkesan**

Ramlan Nordin

Hamacheck (1971) menyatakan bahawa guru yang berkesan selalu melihat diri mereka sebagai orang yang cemerlang. Konsep diri mereka dalam kebanyakan bahagian positif dan selari dengan suasan optimis dan diwarnai dengan konsep penerimaan diri yang sihat. Bukti klinikal telah membuktikan bahawa mana-mana individu yang berasa lebih ceria, lebih produktif dan lebih berkesan hanya apabila dia mampu melihat dirinya cukup sempurna.

Perasaan yang positif tentu mempengaruhi seseorang supaya berkelakuan lebih positif dan dari itu akan lebih berjaya dalam hidupnya daripada mereka yang mempunyai gambaran diri yang rendah. Orang yang mempunyai pandangan yang negatif terhadap dirinya dan manghalang seseorang dari mencuba. Justeru itu, soal konsep kendiri amat berkait dengan soal perkembangan manusia.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hart (1934) terhadap 3725 pelajar sekolah tinggi tentang ciri-ciri yang paling disukai didapati bahawa item yang berkaitan dengan trait personaliti telah menduduki tempat teratas selepas item yang berkaitan dengan teknik pengajaran.

Menurut Jersild (1940) ciri-ciri guru yang paling disukai pelajar selalunya tertumpu kepada personalaiti guru iaitu simpati, ceria dan berkelakuan baik terhadap pelajar. Pelajar di semua peringkat pengajaran menghargai guru yang sentiasa memahami pelajar, sensitif dan prihatin. Bahkan pelajar di peringkat kolej akan meletakkan profesor yang sentiasa memberi perhatian kepada mereka, di dalam senarai terats sifat-sifat guru yang disukai pelajar.

Sear (1964) pula menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara tumpuan peribadi guru dan kesanggupannya mendengar idea pelajar dengan kreativiti yang ditunjukkan oleh pelajar. Beliau juga mendapati bahawa guru yang suka kepada pelajar akan cenderung untuk mempunai pelajar yang sukakan guru.

Heil, Power dan Feifer (1960) pula telah mengaitkan pencapaian pelajar kepada interaksi di antara guru dan personaliti pelajar yang berbeza. Mereka

kemudiaannya membandingkan gabungan pelbagai personaliti guru-pelajar dalam bentuk pencapaian, pengetahuan guru dan susunan kelas. Dengan menggunakan skor yang diperolehi daripada ujian pencapaian pelajar, mereka mendapati bahawa gabungan sifat-sifat guru seperti fleksibel, sihat perawsaan dan sentiasa mengambil berat terhadap pelajar sangat berkesan terhadap semua jenis pelajar. Manakala dua lagi sifat guru seperti menakutkan dan kasar hanya berjaya kepada jenis-jenis pelajar yang tertentu sahaja.

Spaulding (1963) mendapati bahawa konsep kendiri di kalangan pelajar sekolah rendah adalah tinggi dan lebih positif di dalam kelas yang guru mereka bersifat sosial intrgrasi dan menggalakkan proses pembelajaran.

Semua kajian ini menjadi bukti bahwa guru yang berkesan adalah dilandaskan kepada asas sifat-sifat peribadi mereka yang menjadikan dominan berbandingkan dengan perkara-perkara lain seperti teknik pengajaran atau persekitaran kelas yang baik.